

Headline	Tabung Haji serah zakat perniagaan RM9.9 juta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	5	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,918



# Tabung Haji serah zakat perniagaan RM9.9 juta

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, semalam, berkenan menerima pemberian zakat perniagaan bagi tahun 2015 daripada Tabung Haji (TH) ber-

nilai RM9.9 juta.

Penyerahan yang berlangsung di Istana Negara di sini, adalah untuk diserahkan kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP) dan Lembaga Za-

kat Negeri Kedah (LZNK).

## PPZ-MAIWP, LZNK

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menyerahkannya masing-masing sebanyak RM5.8 juta bagi PPZWP, manakala RM4.1 juta bagi LZNK.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Ismee Ismail; Pengurus Pusat Pungutan Zakat (PPZ)-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Che Mat Che Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Sheikh Ghazali Yaacob. **BERNAMA**



Seri Paduka bersama Jamil Khir (empat dari kiri) dan Ismee (tiga dari kiri) pada majlis penyerahan zakat perniagaan oleh Tabung Haji kepada PPZ-MAIWP dan Lembaga Zakat Negeri Kedah di Istana Negara, semalam. (FOTO BERNAMA)